



**BORANG PERMOHONAN DEWAN SERBAGUNA PADANG TENGGU**

**MDL/JKP/SP(DPT)2011-A**

TEMPAHAN DEWAN SERBAGUNA PADANG TENGGU		JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN (BAHAGIAN SEWAAN PERALATAN, DEWAN, MAJLIS RASMI)
1.	Nama Pemohon	
2.	Alamat Pemohon	
3.	No.Kad Pengenalan	
4.	No.Tel / No.Faks	
5.	Tarikh Penggunaan	
6.	Masa Penggunaan	
7.	Tujuan Penggunaan	

**SEWAAN MENGIKUT PAKEJ PILIHAN**

(Tandakan ✓ pada kotak pilihan)

BIL	PAKEJ/JENIS PERALATAN	HARGA PAKEJ
1.	<b>PAKEJ 1</b> (utk acara biasa iaitu seminar, mesyuarat dan motivasi) <b>a. Sewa dewan</b> i) Kerusi plastik - 200 unit ii) Meja panjang (3 x 8) - 2 unit iii) Backdrop <b>b. Deposit (Wang Pos)</b> * Peralatan selain di atas dan penggunaan alatan di luar Dewan akan dikenakan bayaran lain.	<input type="checkbox"/> <b>RM200.00</b>  <b>RM200.00</b>
2.	<b>PAKEJ 2</b> (utk jamuan makan atau majlis perkahwinan) <b>a) Sewa dewan</b> i) Kerusi plastik - 200 unit ii) Meja panjang (3x8) - 2 unit <b>b) Deposit (Wang Pos)</b> * Peralatan selain di atas dan penggunaan alatan di luar Dewan akan dikenakan bayaran lain.	<input type="checkbox"/> <b>RM200.00</b>  <b>RM200.00</b>

<b>JUALAN</b>	<b>KADAR SEWA :</b>	<b>DEPOSIT (WANG POS) :</b>	<b>JUMLAH HARI :</b>	<b>JUMLAH BAYARAN:</b>
<b>BARANGAN EKSPLO</b>	<b>RM300.00 SEHARI</b>	<b>RM600.00</b>		

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Permohonan Lengkap <input type="checkbox"/>	Disemak oleh :
Permohonan Tak Lengkap <input type="checkbox"/>	Nama :
	Tarikh :

Catatan:

**PENGAKUAN PEMOHON  
 BAGI PENGGUNAAN DEWAN SERBAGUNA PADANG TENGGU, MAJLIS DAERAH LIPIS**

Saya bersetuju akan mematuhi segala syarat-syarat yang diberikan oleh pihak Majlis Daerah Lipis adalah seperti berikut :-

- a) Saya bersetuju untuk mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis Daerah Lipis.
- b) Menjelaskan pembayaran sewa dan deposit dalam tempoh sebulan sebelum Dewan digunakan.**  
Deposit menggunakan wang pos boleh didapati di Pejabat Pos dan tidak perlu ditulis nama (kosong). Jikalau pembayaran belum dibuat, pihak Majlis Daerah Lipis tidak akan membuka @ membenarkan dewan tersebut digunakan oleh pihak tuan/puan.
- c) Sekiranya organisasi saya gagal membuat bayaran dalam tempoh satu(1) bulan selepas perkhidmatan yang diberikan oleh MDL maka saya bertanggungjawab untuk membayar kos di atas dan MDL berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas saya.
- d) Bayaran yang dijelaskan tidak akan dikembalikan jika tempahan tersebut dibatalkan oleh pihak tuan/puan sendiri. Penukaran tarikh penggunaan tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis Daerah Lipis.
- e) Tidak dibenarkan membakar apa-apa bahan yang boleh mengeluarkan asap di dalam dewan tersebut.
- f) Tidak dibenarkan memasak sama sekali di dalam dewan atau di luar dewan, tidur, sambungan elektrik dan lain-lain dan tidak dibenarkan membawa minuman keras (arak) dan makanan yang haram (daging babi). Sekiranya didapati melakukannya, pihak Majlis Daerah Lipis akan mengambil tindakan kepada pengguna dewan tersebut @ membatalkan dewan tersebut dari penggunaannya dengan serta merta.
- g) Masa pembukaan atau penggunaan dewan ialah dari pukul 8.00 pagi sehingga 12.00 malam sahaja.**
- i) Kebersihan di dalam dewan hendaklah dijaga dengan bersih. Segala sampah sarap hendaklah dibersihkan dan dibuang ke dalam tong sampah. Sekiranya pihak tuan/puan tidak menjaga kebersihan dewan serta membawa masuk minuman keras serta melanggar syarat-syarat tersebut pihak Majlis Daerah Lipis berhak mengambil atau memotong bayaran deposit (wang pos). **(Kebersihan dewan dilakukan pada hari itu juga selepas acara selesai.)**
- h) Keselamatan dewan dan lain-lain peralatan didalam dewan adalah tanggungjawab tuan/puan semasa penggunaan tuan/puan. Jika terdapat sebarang kerosakan, kehilangan dan sebagainya, bayaran akan dituntut dari tuan/puan. Laporan polis akan dibuat jika perlu.
- i) Tidak dibenarkan meletakkan sebarang jenis kenderaan di luar kaki berhampiran dewan.
- j) Majlis Daerah Lipis berhak sepenuhnya membatalkan kelulusan ini jika diperlukan berbuat demikian pada bila-bila masa sahaja.**
- k) Sekiranya berlaku kemalangan iaitu kebakaran semasa penggunaan dari pihak tuan/puan adalah di bawah tanggungjawab penyewa tersebut, pihak Majlis Daerah Lipis tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecuaiannya dan pihak Majlis akan mengambil tindakan tegas ke atas pihak penyewa.
- l) Mematuhi syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Lipis dari masa ke semasa.
- m) Bagi setiap jualan ekspo, pemasangan kanopi diluar dewan tersebut tidak dibenarkan sama sekali.

Saya bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Majlis Daerah Lipis bagi penggunaan dewan seperti di atas.

Tandatangan Pemohon : .....

Tarikh : .....

**SEMASA MAJLIS PERKAHWINAN ATAU MAJLIS JAMUAN MAKAN  
DI DEWAN SERBAGUNA PADANG TENGGU, MAJLIS DAERAH LIPIS**

<b>Tarikh Penggunaan</b>	
<b>Nama Katering</b>	
<b>Nama Penuh</b>	
<b>Alamat</b>	(Katering)
<b>Bilangan Pekerja</b>	
<b>Kad Pengendalian Makanan</b>	(Tempoh/Tarikh)

\* Sila kembarkan salinan kad pengendalian makanan.

(Sila isikan kedua-dua keratan ini)



**BUTIR-BUTIR PENYEDIAAN MAKANAN  
SEMASA MAJLIS PERKAHWINAN ATAU MAJLIS JAMUAN MAKAN  
DI DEWAN SERBAGUNA PADANG TENGGU, MAJLIS DAERAH LIPIS**

<b>Tarikh Penggunaan</b>	
<b>Nama Katering</b>	
<b>Nama Penuh</b>	
<b>Alamat</b>	(Katering)
<b>Bilangan Pekerja</b>	
<b>Kad Pengendalian Makanan</b>	(Tempoh/Tarikh)

\* Sila kembarkan salinan kad pengendalian makanan.